



PEKELILING PENDAFTAR

Tarikh : 17 Mac 2020

Bil. 2/2020

Ruj.: UMS/PEND2.1/100-1/7/2

GARIS PANDUAN PENGGUNAAN CUTI KUARANTIN DAN PERINTAH PENGAWASAN DAN PEMERHATIAN DALAM RUMAH (*HOME SURVEILLANCE*) BAGI PENCEGAHAN DAN PENGAWALAN JANGKITAN WABAK PENYAKIT BERJANGKIT DAN CORONAVIRUS (COVID-19) DI UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

1.0 TUJUAN

Pekeliling ini dikeluarkan sebagai rujukan dan panduan semua kakitangan berhubung penggunaan Cuti Kuarantin dan Perintah Pengawasan Dan Pemerhatian Dalam Rumah (*Home Surveillance*).

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Merujuk kepada panduan daripada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) berikutan penularan penyakit berjangkit yang semakin serius di seluruh dunia, kakitangan UMS diminta mengambil perhatian dan jelas berhubung penggunaan Cuti Kuarantin dan *Home Surveillance*.
- 2.2 Kemudahan Cuti Kuarantin telah diperuntukkan di bawah Perintah Am 24 Bab C (Cuti) kepada pegawai yang dalam perjalanan balik ke Malaysia dari luar negara yang ditahan di mana-mana stesen kuarantin oleh pihak berkuasa kesihatan pelabuhan atau lapangan terbang kerana berlaku wabak penyakit berjangkit atau pegawai dikurung di rumahnya oleh mana-mana kuasa kesihatan kerana wabak penyakit berjangkit.¹
- 2.3 Pegawai Perubatan Kerajaan yang telah diberi kuasa boleh mengeluarkan Perintah *Home Surveillance* kepada mana-mana kontak (sama ada kakitangan UMS ataupun bukan) menjalani pemerhatian di mana-mana tempat dan bagi apa-apa tempoh yang difikirkan patut, atau menjalani pengawasan sehingga dia boleh dilepaskan tanpa membahayakan orang ramai.²

3.0 PERJALANAN KE LUAR NEGARA

- 3.1 Semua kakitangan UMS **DIKEHENDAKI MENANGGUHKAN** semua perjalanan ke luar negara sekiranya terdapat penularan penyakit berjangkit di negara yang hendak dilawati berkenaan. Penangguhan ini adalah untuk

¹ Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 11 Tahun 2016

² Seksyen 15(1), Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1998 (Akta 342)

mengelakkan kontak (sama ada secara langsung ataupun tidak langsung) dengan mana-mana yang telah terdedah atau mungkin telah terdedah kepada risiko dihinggapi sesuatu penyakit berjangkit, termasuk mana-mana orang yang baru tiba dari sesuatu kawasan jangkitan.³

- 3.2 Sekiranya ada di antara kakitangan UMS yang telah berada di luar negara pada masa ini dan akan pulang dalam tempoh terdekat atau yang baru pulang dari luar negara, maka secara otomatik, kakitangan berkenaan dikehendaki ke mana-mana fasiliti KKM atau Pusat Kesihatan UMS untuk membuat pemeriksaan kesihatan (sila ikuti prosedur pemeriksaan daripada KKM dan Pusat Kesihatan UMS seperti di Lampiran).

4.0 PERINTAH PENGAWASAN DAN PEMERHATIAN DALAM RUMAH (*HOME SURVEILLANCE*)

- 4.1 Bagi kakitangan yang tidak menunjukkan sebarang simptom-simptom penyakit berjangkit, tetapi baharu balik dari luar negara, maka hendaklah menjalani pemeriksaan kesihatan di fasiliti Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Perintah Pengawasan Rumah hendaklah diperoleh daripada mana-mana Pusat Kesihatan Kementerian Kesihatan Malaysia atau dari Pusat Kesihatan UMS yang berdekatan di daerah berkenaan.
- 4.2 Langkah yang perlu diambil sekiranya kakitangan diberikan Perintah *home surveillance* oleh pihak Pusat Kesihatan KKM atau Pusat Kesihatan UMS:
- i. Mendapat perakuan daripada pihak KKM (yang diperakukan oleh Inspektor Kesihatan dari fasiliti KKM).
 - ii. Memaklumkan kepada pihak BSM dengan mengemukakan bukti arahan dari KKM.
 - iii. Dibenarkan bekerja dari rumah (*Work from Home*) mengikut tempoh pengawasan yang diberikan. Waktu Bekerja adalah lapan (8) jam dan kakitangan hendaklah membuat *clock in* dan *clock out* dari lokasi rumah dimana kakitangan berkenaan berdaftar dengan Universiti.
 - iv. Pihak BSM akan mengemaskini status kehadiran sebagai *Work from Home* (WFH) sepanjang tempoh arahan pengawasan.
 - v. Selepas tempoh pengawasan selama 14 hari tamat, kakitangan UMS perlu hadir semula ke fasiliti KKM atau Pusat Kesihatan UMS untuk mendapatkan pengesahan kebenaran boleh kembali bertugas/ hadir ke kuliah.
 - vi. Bagi kakitangan UMS, kad pengesahan tersebut perlu dikemukakan kepada pihak BSM bagi tujuan pengemaskinian status WFH di sistem STARS.

³ Instilah "kontak" Akta 342

5.0 CUTI KUARANTIN

- 5.1 Sekiranya kakitangan UMS menunjukkan simptom-simptom penyakit berjangkit, maka kakitangan berkenaan **DIKEHENDAKI** menghubungi dan mendapatkan pemeriksaan di fasiliti KKM dengan segera.
- 5.2 Pesakit yang telah disahkan mengidap penyakit berjangkit dan mendapat Arahan Cuti Kuarantin oleh Hospital Kerajaan akan dikuarantin di lokasi yang ditetapkan oleh Kerajaan Malaysia.
- 5.3 Sekiranya ada kalangan keluarga kakitangan UMS yang telah disahkan menghidap penyakit berjangkit dan mendapat Arahan Kuarantin, maka kakitangan UMS berkaitan hendaklah memaklumkan kepada Bahagian Sumber Manusia dan memohon Cuti Kuarantin dengan menyertakan salinan Arahan Kurantin dari Hospital Kerajaan.

6.0 PERMOHONAN KEBENARAN PENGAWASAN DAN RUMAH DAN CUTI KUARANTIN

- 6.1 Bagi kakitangan UMS yang telah dirujuk ke fasiliti KKM atau Pusat Kesihatan UMS, sekiranya diberi arahan untuk Perintah Kuarantin atau Perintah *home surveillance*, maka hendaklah merujuk kepada Bahagian Sumber Manusia (BSM), Jabatan Pendaftar bagi proses untuk dibenarkan bekerja dari Rumah (*Work from Home*) selama tempoh perintah pengawasan diberikan. Kakitangan adalah diminta untuk mengemukakan salinan arahan tersebut kepada pihak BSM untuk tindakan lanjut.
- 6.2 Ketua Jabatan hendaklah memaklumkan kepada pihak BSM dan Pusat Kesihatan UMS sekiranya ada kakitangan seliaan didapati dan disahkan mengidap penyakit berkenaan dan berada di rumah sehingga sembuh.
- 6.3 Semua kakitangan UMS yang telah mempunyai hubungan rapat dengan pesakit yang disahkan positif COVID-19 dan telah menerima arahan *home surveillance* daripada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) diminta untuk mematuhi arahan KKM.
- 6.4 Sepanjang tempoh Perintah *home surveillance* berjalan, semua kakitangan UMS perlu mengamalkan kebersihan diri yang baik serta mematuhi langkah-langkah kesihatan dan keselamatan seperti yang disarankan oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

7.0 SEMAKAN KEMBALI KELULUSAN KE LUAR NEGARA

- 7.1 Semua kakitangan UMS yang telah mendapat kebenaran untuk keluar negara sebelum penularan wabak COVID 19 atau penyakit berjangkit lainnya di negara yang hendak dilawati, hendaklah terlebih dahulu merujuk kembali kelulusan ini ke Pejabat Canselor (perjalanan rasmi) dan Bahagian Sumber Manusia, Jabatan

Pendaftar (bercuti/ perjalanan tidak rasmi) berkenaan status kelulusan tersebut.⁴

8.0 TINDAKAN TATATERIB

- 8.1 Keengganan kakitangan untuk membuat semakan atau mematuhi sebarang perintah sekatan kunjungan ke negara-negara yang mempunyai penularan penyakit berjangkit boleh dianggap sebagai **INGKAR** dan boleh dikenakan tindakan tatatertib.
- 8.2 Kakitangan UMS yang didapati ke luar negara (sama ada rasmi atau tidak) **TANPA KEBENARAN** dari Naib Canselor akan dikenakan tindakan tatatertib.

9.0 LAIN-LAIN

- 9.1 Garis Panduan ini merupakan satu langkah berjaga-jaga bagi semua kakitangan UMS untuk memastikan tiada penularan penyakit berjangkit berkenaan kepada pihak ketiga sama ada dalam atau luar dari Universiti ini.

10.0 TARIKH KUAT KUASA

- 10.1 Garis Panduan ini berkuat kuasa serta merta pada tarikh ianya dikeluarkan.

Sekian, terima Kasih.

"BERTEKAD CEMERLANG"

Yang ikhlas,



VINA ZAHRIANI YUSOF

Pendaftar

Tarikh : 17 Mac 2020

s.k.  Naib Canselor

-  Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
-  Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
-  Timbalan Naib Canselor (Hal-Ehwal & Alumni)
-  Penolong Naib Canselor
-  Bendahari
-  Ketua Pustakawan

⁴ Perintah Am Bab 'C'